

**Wanita Umno Tumpu Bantuan Pasca Banjir
Bernama
Jan 4, 2015**

TEMERLOH, 4 Jan (Bernama) -- Pergerakan Wanita Umno kini memberi perhatian khusus dan keutamaan terhadap misi bantuan pasca banjir bagi membantu mangsa di negeri-negeri yang terjejas dengan bencana itu.

Ketuanya, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata kira-kira 100,000 anggota dan sukarelawan Wanita Umno sudah mula digerakkan bagi memulakan tugas membersihkan kediaman penduduk dan menyampaikan bantuan.

"Saya sudah meminta kerjasama semua cawangan Wanita Umno di seluruh negara untuk sama-sama membantu agensi lain dalam tugas membersihkan kawasan yang dilanda banjir teruk seperti di Kelantan dan Terengganu.

"Sudah pasti bantuan pasca banjir ini paling mustahak, berdasarkan maklumat yang diperoleh, kita mendapati kebanyakan mangsa banjir kini berdepan masalah untuk membersihkan kediaman berikutan masalah bekalan air dan elektrik yang belum pulih sepenuhnya," katanya kepada pemberita selepas melawat pusat pemindahan banjir di Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Krau, dekat sini, Ahad.

Beliau berkata Wanita Umno juga sudah mengagihkan pelbagai barangan bantuan yang dikumpulkan di stor Skuad Sayang di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) kepada mangsa banjir dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Katanya, sukarelawan Wanita Umno juga sudah dan akan memulakan misi bantuan pasca banjir di negeri Pahang dengan memberi tumpuan kepada kawasan seperti Jerantut, Temerloh, Maran dan Pekan.

Shahrizat, yang juga Pengerusi Yayasan Kebajikan Negara (YKN), berkata yayasan itu turut menghantar 50 kaunselor ke kawasan terjejas teruk bagi menangani trauma mangsa akibat bencana, terutamanya kanak-kanak.

Selain itu, katanya, YKN juga menyalurkan bantuan seperti penapis air dan dapur kepada mangsa banjir.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1097922>